

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' AHMAD FAUZI
BIN ZAHARI
(SETIAWANGSA)**

**TARIKH : 09.6.2014
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mempertingkatkan kelengkapan ketenteraan negara sebagai persediaan menghadapi sebarang krisis atau situasi yang tidak dijangka pada masa akan datang. Ini berikutan daripada pengajaran yang harus diambil oleh pihak Kerajaan yang dilihat agak terkebelakang dalam pemilikan aset ketenteraan selepas insiden tragis yang melibatkan pesawat MH370.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan mempunyai hasrat untuk menambah atau mengganti bilangan aset Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sedia ada ke arah yang lebih canggih dan berteknologi tinggi bagi mengukuhkan lagi keupayaan pertahanan negara. Walau bagaimanapun, penambahan dan penggantian aset ini akan dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut keupayaan kewangan negara.

Pada masa ini, Kementerian masih lagi memperhalusi keperluan dan spesifikasi aset yang sesuai digunakan di dalam persekitaran negara termasuk penambahan aset untuk mengukuhkan kawalan keselamatan daratan, perairan dan udara negara Malaysia. Jenis peralatan dan kos perolehan masih di dalam kajian.

Kerajaan sentiasa prihatin untuk meningkatkan tahap keselamatan negara dengan perancangan perolehan aset-aset strategik yang akan di majukan pada Rancangan Malaysia